

## MOSTI Agih 2,700 “Qamus Digital” Kepada 118 Sekolah Di Melaka

Berita RTM

30 Mac 2017 | Khamis

Thursday, April 6, 2017



UTAMA SEMASA NASIONAL EKONOMI DUNIA SUKAN HIBURAN **TEKNOLOGI** BE

### MOSTI Agih 2,700 "Qamus Digital" Kepada 118 Sekolah Di Melaka

Mac 30, 2017

[Tweet](#)

MELAKA - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Technology Park Malaysia hari ini mengagihkan sebanyak 2,700 unit "Qamus Digital" kepada 118 sekolah di Melaka melibatkan peruntukan berjumlah RM300,000.

Timbalan Menteri Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata "Qamus Digital" yang dibangunkan MyView System Sdn Bhd dan Universiti Teknologi Mara Kampus Alor Gajah merupakan program perintis yang dilaksanakan MOSTI di bawah dana Inovasi Sosial MOSTI (MSI) 2016.

Beliau berkata produk itu dibiayai MOSTI bagi membantu pengkomersilannya di negara selain membantu meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah secara lebih efektif dan mudah.

"Produk ini adalah yang ke-12 yang dibangunkan menerusi dana MSI 2016. Saya yakin inisiatif MSI ini merupakan satu lagi projek bermanfaat terutama untuk pelajar sekolah rendah dan menengah.

"Ia dapat membantu pelajar yang lemah dalam pembelajaran untuk belajar secara lebih kondusif," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan "Qamus Digital".

"Qamus Digital" dibangunkan dengan 21 kamus standard antarabangsa yang dilengkapi beberapa teknologi pelbagai fungsi seperti sistem suara, semakan ejaan, program pembelajaran dan penguasaan Bahasa Inggeris, sistem penterjemahan dan mempunyai lebih 800,000 daftar kata.

(Sumber - Bernama)

0

[G+](#) [Share](#)

Hits: 60

[Cetak](#)

